

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**DI MAJLIS PELANCARAN "CREATIVE MULTIMEDIA INITIATIVE" SEMPERNA**  
**ULANGTAHUN KE 10 MULTIMEDIA SUPER CORRIDOR (M.S.C.) DI**  
**CYBERVIEW LODGE, CYBERJAYA,**  
**7 APRIL 2006**

-----

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

YAB DATO' SRI NAJIB TUN RAZAK  
TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA

YB DATO' SRI JAMALUDDIN JARJIS  
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

YAB MENTERI-MENTERI BESAR DAN KETUA-KETUA MENTERI

YB AHLI-AHLI JEMAAH MENTERI

YBHG TAN SRI HALIM BIN ALI  
PENGERUSI M.D.C.

YANG BERUSAHA ENCIK BADLISHAM GHAZALI  
KETUA EKSEKUTIF M.D.C.

DIF-DIF KEHORMAT

SAUDARA DAN SAUDARI YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

1. SAYA BERSYUKUR KE-HADRAT ALLAH S.W.T. KERANA DENGAN IZIN DAN LIMPAN KURNIANYA KITA DAPAT HADIR BERSAMA DI MAJLIS PELANCARAN "INISIATIF MULTIMEDIA KREATIF NASIONAL" SEMPERNA ULANGTAHUN KE-SEPULUH MULTIMEDIA SUPER CORRIDOR (M.S.C.). SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN SYABAS KEPADA PIHAK KEMENTERIAN, M.D.C. DAN SEMUA YANG TERLIBAT ATAS SAMBUTAN ULANGTAHUN INI. SAYA BERBESAR HATI MELIHAT KEHADIRAN SAUDARA-SAUDARI YANG BEGITU RAMAI PADA HARI INI. KEHADIRAN SAUDARA SAUDARI MENUNJUKKAN SOKONGAN YANG KEKAL UTUH TERHADAP AGENDA I.C.T. NEGARA SERTA SOKONGAN PADU TERHADAP INISIATIF M.S.C. YANG TELAH DIMANDATKAN UNTUK MEMACU AGENDA TERSEBUT. SEMOGA DENGAN SOKONGAN DAN USAHA GIGIH SEMUA PIHAK, KITA AKAN DAPAT MENCAPAI MATLAMAT MENJADI SEBUAH NEGARA MAJU DAN BERSAMA MEMBANGUNKAN SEBUAH MASYARAKAT BERLANDASKAN PENGETAHUAN SEPERTI YANG TERMAKTUB DALAM WAWASAN 2020, INSYA ALLAH.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN,

2. KITA HANYA TINGGAL LIMA BELAS TAHUN SAHAJA UNTUK MENCAPI CITA-CITA BESAR NEGARA. PADA 31 MAC YANG LALU, SAYA TELAH MEMBENTANGKAN RANCANGAN MALAYSIA KE-SEMBILAN DI PARLIMEN. RANCANGAN TERSEBUT MENGANDUNGI STRATEGI PEMBANGUNAN NEGARA UNTUK MENCAPI MATLAMAT MISI NASIONAL KITA. DALAM MELANGKAH KEHADAPAN, PELBAGAI CABARAN BARU AKAN KITA HADAPI. BANYAK JUGA PELUANG-PELUANG BARU AKAN TERBUKA. INI ADALAH KERANA ARUS PEMBANGUNAN TIDAK STATIK DAN SENTIASA BERUBAH. UNTUK TERUS MAJU, KITA HARUS MENGAMBIL IKTIBAR DAN PENGAJARAN DARIPADA PENGALAMAN SILAM KITA, DAN BERANI UNTUK BERUBAH DAN MENYESUAIKAN DIRI KEPADA KEADAAN SEMASA. INILAH SEBENARNYA RAHSIA KEJAYAAN NEGARA SEKIAN LAMA.

3. DALAM RANCANGAN MALAYSIA KE-SEMBILAN, PEMBANGUNAN INDUSTRI I.C.T. AKAN TERUS KEKAL SEBAGAI STRATEGI PENTING DALAM MENYOKONG USAHA BESAR NEGARA UNTUK MENCAPI TAHAP EKONOMI BERASASKAN PENGETAHUAN. DALAM PADA ITU, I.C.T. AKAN TERUS KEKAL SEBAGAI SUMBER PERTUMBUHAN BAGI NEGARA DAN AKAN TERUS MENJADI "KEY ENABLER" YANG PENTING, TERUTAMANYA UNTUK MEMACU TRANSFORMASI SEKTOR-SEKTOR EKONOMI YANG LAIN SEPERTI SEKTOR PEMBUATAN, PERKHIDMATAN, PERTANIAN DAN SEBAGAINYA. INI AKAN DAPAT MEMBANTU MENINGKATKAN PRODUKTIVITI NEGARA, MENYOKONG USAHA UNTUK MENGGUNAKAN SUMBER-SUMBER NEGARA SECARA BERHEMAM, MENINGKATKAN PERTUMBUHAN K.D.N.K. NEGARA, DAN SETERUSNYA MENINGKATKAN LAGI KUALITI HIDUP RAKYAT.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN,

4. SEPULUH TAHUN YANG LALU, INISIATIF M.S.C. TELAH DILANCARKAN SEBAGAI PEMANGKIN AGENDA I.C.T. NEGARA. MULTIMEDIA DEVELOPMENT CORPORATION (M.D.C.) TELAH DIWUJUDKAN UNTUK MEMANDU PEMBANGUNAN M.S.C.. M.S.C., YANG KINI TELAH MEMASUKI FASA KEDUA PEMBANGUNANNYA, TELAH BERJAYA MENYEDIAKAN SATU TAPAK YANG KUKUH UNTUK MEWUJUDKAN MASYARAKAT DAN EKONOMI BERASASKAN PENGETAHUAN. M.S.C. DAN AGENDA I.T. NASIONAL (N.I.T.A.) TELAH MEMBANTU MEMBUKA MINDA MASYARAKAT UNTUK MENGGUNAKAN I.C.T. DENGAN LEBIH MELUAS. SEPULUH TAHUN YANG LALU, BILANGAN PENGGUNA KOMPUTER PERIBADI ADALAH HANYA 888,000 ORANG BERBANDING LEBIH 4.2 JUTA SEKARANG. KADAR PENEMBUSAN INTERNET PADA TAHUN 1998 ADALAH HANYA 1.8 PERATUS DARIPADA BILANGAN PENDUDUK NEGARA BERBANDING HAMPIR 40 PERATUS HARI INI. DI SAMPING ITU, BILANGAN PELANGGAN INTERNET JALUR LEBAR JUGA TELAH MENINGKAT DENGAN MENDADAK DAN DIJANGKA MENCAPI 1.3 JUTA PENDUDUK PADA AKHIR TAHUN INI.

5. PENCAPAIAN M.S.C. DARI SEGI MEMBANGUNKAN INDUSTRI I.C.T. JUGA AMAT MEMBANGGAKAN. PADA TAHUN 1996, TERDAPAT KURANG DARIPADA 300 SYARIKAT I.C.T. DI DALAM NEGARA. KINI, TERDAPAT 3,400 SYARIKAT I.C.T., DI MANA SEBANYAK 1,447 DARIPADANYA ADALAH SYARIKAT BERSTATUS M.S.C.. PADA

TAHUN 2005, SEKTOR I.C.T. NEGARA MENGALAMI PERTUMBUHAN 17 PERATUS LEBIH TINGGI DARIPADA PERTUMBUHAN K.D.N.K. NEGARA. PADA TAHUN 2004, SYARIKAT BERSTATUS M.S.C. MENDAPAT PENDAPATAN (REVENUE) SEBANYAK 7.21 BILION RINGGIT, DI MANA 1.57 BILION RINGGIT ADALAH DARIPADA HASIL EKSPORT. DI SAMPING ITU, MALAYSIA TELAH DIKENAL PASTI SEBAGAI DESTINASI KETIGA TERBAIK DALAM DUNIA, DI BELAKANG INDIA DAN CHINA, BAGI PERKHIDMATAN PERKONGSIAN DAN PENYUMBERAN LUAR (SHARED SERVICES AND OUTSOURCING) OLEH BEBERAPA SUMBER TERMASUK "LAPORAN A.T. KEARNEY 2004" DAN "DELOITTE PAPER 2005". SEMENTARA ITU, KEJAYAAN CYBERJAYA SEBAGAI "INTELLIGENT CITY" YANG DIKENALI SELURUH DUNIA TELAH MULA DIREPLIKASIKAN DI BEBERAPA LOKASI DI SELURUH NEGARA DENGAN ADANYA "ROLL-OUT" M.S.C. SECARA BERANSUR-ANSUR.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN,

6. TERNYATA PENCAPAIAN M.S.C. MEMBANGGAKAN DAN SUMBANGAN M.S.C. TERHADAP PEMBANGUNAN NEGARA AMAT BESAR DAN BERMAKNA. WALAU PUN BEGITU, UNTUK TERUS BERJAYA, PROSES PENAMBAHBAIKAN PRESTASI DAN PEMBAHARUAN PENDEKATAN BERDASARKAN KEPERLUAN DAN CABARAN MESTI DILAKUKAN. KINI, LANSKAP EKONOMI DAN INDUSTRI I.C.T. GLOBAL DAN TEMPATAN TELAH BERUBAH DARI KEADAAN DAHULU. SEDIKIT SEBANYAK, PERUBAHAN TERSEBUT, TERUTAMANYA PADA LANSKAP TEMPATAN, ADALAH HASIL KEJAYAAN M.S.C. ITU SENDIRI. OLEH ITU, SEMPENA ULANGTAHUN M.S.C. KE-SEPULUH DAN SELARAS DENGAN KEADAAN PERSEKITARAN YANG BARU, SAYA KIRA TELAH TIBA MASANYA UNTUK M.S.C. DISUNTIK DENGAN SEMANGAT BARU DAN TERUS DI PERKASA SEBAGAI SATU INISIATIF NEGARA UNTUK DIBAWA KE PERINGKAT GLOBAL.

7. DENGAN ITU, SAYA INGIN MENGUMUMKAN BAHAWA MULAI HARI INI, JENAMA "M.S.C." AKAN DIUBAH MENJADI "M.S.C. MALAYSIA" DAN "M.D.C." AKAN DIKENALI SEBAGAI "M-DEC". DI SINI, SAYA INGIN MENEKANKAN BAHAWA TUMPUAN DAN MATLAMAT ASAL M.S.C. MASIH KEKAL PADA ASAS DAN PRINSIPNYA. WALAU BAGAIMANAPUN, KAEDAH, PENDEKATAN DAN STRATEGI UNTUK MENCAPI MATLAMAT ASAL TERSEBUT AKAN DIPERBAHARUI DAN DIPERBAIKI SELARAS DENGAN KEPERLUAN DAN CABARAN SEMASA.

8. LANGKAH UNTUK MENYEGARKAN JENAMA DAN IMEJ M.S.C. ADALAH BERTUJUAN UNTUK MEMBERI LEBIH PENEKANAN KEPADA INISIATIF INI SEBAGAI SEBUAH PROJEK NASIONAL, DI MANA MANFAATNYA AKAN DAPAT DI KECAPI OLEH SETIAP RAKYAT MALAYSIA. PENDEK KATA, INISIATIF "M.S.C. MALAYSIA" BUKAN HANYA MILIK "M-DEC" ATAU CYBERJAYA SEMATA-MATA, TETAPI ADALAH MILIK SELURUH WARGA MALAYSIA TANPA MENGIKHA BANGSA, AGAMA ATAU STATUS. DI SAMPING ITU, GANDINGAN PERKATAAN MALAYSIA DENGAN M.S.C. DALAM JENAMA "M.S.C. MALAYSIA" AKAN MEMPERTINGKATKAN KEDUDUKAN MALAYSIA SEBAGAI HAB I.C.T. DAN MULTIMEDIA DUNIA. COGAN KATA BARU "M.S.C. MALAYSIA" IAITU "WIN HEARTS AT HOME AND WIN BATTLES ABROAD" MENCERMINKAN PERANAN DUA MATA SERAMPANG M.S.C., IAITU SEBAGAI "KEY DRIVER" DAN "KEY ENABLER" BAGI SEKTOR I.C.T. TEMPATAN, SERTA DUA PASARAN YANG HARUS DIMENANGI, IAITU PASARAN TEMPATAN DAN GLOBAL.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN,

9. DALAM RANCANGAN MALAYSIA KE-SEMBILAN, INDUSTRI KANDUNGAN MULTIMEDIA KREATIF, YANG MERANGKUMI ANIMASI KOMPUTER KREATIF, PERMAINAN DIGITAL, APLIKASI DAN PERKHIDMATAN MUDAH ALIH, TELEVISYEN INTERAKTIF, EDUTAINMENT, PENERBITAN DIGITAL DAN ARKIB DIGITAL, TELAH DIKENAL PASTI UNTUK DIBANGUNKAN SEBAGAI SATU SUMBER PERTUMBUHAN BARU. OBJEKTIF UTAMA INISIATIF INI ADALAH UNTUK MEMBANGUNKAN INDUSTRI KANDUNGAN MULTIMEDIA KREATIF DAN KELOMPOK KANDUNGAN ATAU "CONTENT CLUSTER" YANG AKAN MENYOKONG PENJANAAN PERTUMBUHAN EKONOMI SERTA MEMACU PENCIPTAAN TEKNOLOGI DAN KANDUNGAN DIGITAL BARU. DENGAN ADANYA INDUSTRI KANDUNGAN DIGITAL TEMPATAN, KANDUNGAN YANG DICIPTA BOLEH DISESUAIKAN MENGIKUT KEADAAN TEMPATAN, UMPAMANYA MEMPERBANYAKKAN KANDUNGAN DALAM BAHASA MALAYSIA DAN BAHASA-BAHASA IBUNDA YANG LAIN SERTA MELEBIHKAN KANDUNGAN YANG RELEVAN KEPADA KEPERLUAN MASYARAKAT TEMPATAN. INI ADALAH SATU CARA YANG EFEKTIF UNTUK MENGURANGKAN JURANG DIGITAL DI DALAM NEGARA DAN JUGA ANTARA NEGARA MALAYSIA DENGAN NEGARA-NEGARA MAJU YANG LAIN. SAYA JUGA YAKIN BAHAWA MALAYSIA, DENGAN CIRI-CIRI KEPELBAGAIANNYA, AKAN DAPAT MENYEDIAKAN ASAS YANG BAIK UNTUK MENCIPTA KANDUNGAN MULTIMEDIA TEMPATAN, BERDASARKAN NILAI, BUDAYA DAN WARISAN YANG UNIK DAN TERSENDIRI, UNTUK DIBAWA KE PASARAN DUNIA.

10. MENJELANG TAHUN 2009, INDUSTRI KANDUNGAN DIGITAL DI PERINGKAT GLOBAL DIANGGARKAN BERNILAI SEBANYAK 644 BILION DOLLAR AMERIKA. DENGAN ITU, INDUSTRI TERSEBUT MEMPUNYAI POTENSI YANG BAIK UNTUK DIBANGUNKAN DI MALAYSIA. SESUNGGUHNYA, MALAYSIA MEMPUNYAI PENGALAMAN YANG LAMA DAN KEUPAYAAN YANG MANTAP DALAM APLIKASI TEKNOLOGI DIGITAL MENGGUNAKAN CARA YANG KREATIF DAN INOVATIF. KINI, TERDAPAT LEBIH 100 SYARIKAT KANDUNGAN DIGITAL MULTIMEDIA YANG BEROPERASI DALAM M.S.C. DAN KEBANYAKANNYA TELAH BERJAYA MENGEKSPORT PRODUK MEREKA KE LUAR NEGARA. RAMAI YANG TIDAK MENGETAHUI HAKIKAT INI, TETAPI SYARIKAT-SYARIKAT KANDUNGAN DIGITAL YANG BESAR DAN TERKENAL SEPERTI DISNEY, SONY, NINTENDO, GAMEBOY, CHANNEL V DAN BEBERAPA STUDIO DI HOLLYWOOD KINI MENYUMBER-LUARKAN SEBAHAGIAN DARIPADA KERJA MEREKA KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT TEMPATAN KITA.

11. LANGKAH-LANGKAH UNTUK MEMPROMOSIKAN DAN MENGEKSPORT PRODUK DAN PERKHIDMATAN KANDUNGAN MULTIMEDIA KREATIF TEMPATAN KE PASARAN ANTARABANGSA AKAN TERUS DIBERI PENEKANAN. WALAU BAGAIMANAPUN, KITA JUGA AKAN MENINGKATKAN USAHA UNTUK MENARIK LEBIH BANYAK SYARIKAT-SYARIKAT KANDUNGAN DIGITAL MULTINASIONAL UNTUK MENEMPATKAN SEBAHAGIAN DARIPADA OPERASI MEREKA DI MALAYSIA. SYARIKAT-SYARIKAT TERSEBUT AKAN MENGGUNA PAKAI PEKERJA SERTA KEMUDAHAN TEMPATAN DAN IANYA AKAN MENOLONG MENJANA PELUANG-PELUANG PEKERJAAN DAN MENAMBAH PENDAPATAN NEGARA. DI SAMPING ITU, PEKERJA TEMPATAN DAPAT MEMPELAJARI TEKNIK-TEKNIK TERBARU SERTA MUTU PIAWAIAN YANG HARUS DICAPAI UNTUK MENEMBUSI PASARAN ANTARABANGSA. LANGKAH INI AKAN MEMBINA UPAYA

PEKERJA-PEKERJA SERTA SYARIKAT-SYARIKAT TEMPATAN KE ARAH MENCIPTA KANDUNGAN DIGITAL—DAN SETERUSNYA HAK INTELEK SENDIRI—YANG DAPAT DITERIMA OLEH PASARAN ANTARABANGSA. INILAH MATLAMAT AKHIR YANG KITA SASARKAN, IAITU PENEMBUSAN PASARAN ANTARABANGSA OLEH SYARIKAT-SYARIKAT TEMPATAN, SEIRING DENGAN MATLAMAT FASA KEDUA M.S.C.. SAYA YAKIN HASRAT INI DAPAT DICAPAI DENGAN PERANCANGAN YANG TEPAT DAN PELAKSANAAN YANG MANTAP OLEH M-DEC DAN AGENSI-AGENSI YANG LAIN.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN,

12. SEKALI LAGI SAYA INGIN MENGUCAPKAN SYABAS KEPADA PIHAK KEMENTERIAN DAN M-DEC SEMPENA DENGAN ULANG-TAHUN KE-SEPULUH "M.S.C. MALAYSIA", PENJENAMAAN BARU SERTA PELANCARAN "INISIATIF MULTIMEDIA KREATIF" INI. DENGAN ADANYA HALATUJU DAN STRATEGI YANG NYATA DAN MANTAP UNTUK TERUS MEMBANGUNKAN M.S.C. DAN MENJAYAKAN INISIATIF MULTIMEDIA KREATIF TERSEBUT, SAYA YAKIN MATLAMAT UNTUK MEMBANGUNKAN MASYARAKAT BERLANDASKAN PENGETAHUAN MAMPU TERCAPAI DAN SEKALIGUS DAPAT MELONJAKKAN NEGARA KE TAHAP YANG LEBIH MAJU. MAKA DENGAN HARAPAN ITU, DENGAN LAFAZ BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM, SAYA DENGAN SUKACITANYA MELANCARKAN SAMBUTAN ULANGTAHUN KE-SEPULUH M.S.C., INISIATIF MULTIMEDIA KREATIF, SERTA JENAMA "M.S.C. MALAYSIA" DAN "M-DEC".

SEKIAN, TERIMA KASIH.